

10/04/2003

Lima wanita Malaysia yang berkaliber

Nor Affizar Ibrahim

MENGHARGAI kekentalan semangat dan kecemerlangan wanita di negara ini, Neutrogena dengan bangga memperkenalkan dan menganugerahkan Anugerah Pencapaian Wanita Neu 2003 kepada lima wanita yang berjaya dalam bidang masing-masing.

Lima yang terpilih untuk menerima anugerah itu ialah juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Kapten Zalina Sungip; Kurator Balai Seni Lukis Negara, Zanita Anuar; Pakar Obstetrik dan Ginekologi, Dr Tang Boon Nee; Penyampai TV dan Pengurus Jenama, Joanne de Rozario dan bekas gimrama negara, Carolyn Au-Yong.

Penerima anugerah berkenaan bukan saja dihargai kerana pencapaian dalam bidang masing-masing tetapi juga berupaya mengimbangi pelbagai fungsi dipikul, seiring dengan kejayaan ditempa.

Pengarah Urusan Johnson & Johnson Malaysia (J&J), Jun Alli, berkata anugerah itu sebagai pengiktirafan kecemerlangan dan tanda penghargaan kepada mereka sebagai wanita Malaysia yang berkaliber.

"Mereka berjaya menempa kejayaan dalam bidang diceburi dan kami yakin lima wanita ini akan menjadi inspirasi kepada yang lain," kata Alli pada majlis penyampaian anugerah berkenaan dan juga malam amal bagi membantu Majlis Aids Malaysia di Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Anugerah Pencapaian Wanita Neu 2003 diperkenalkan oleh Neutrogena, ahli kumpulan syarikat Johnson & Johnson dan ia disampaikan oleh Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Antara kriteria pemilihan untuk anugerah itu ialah wanita yang cemerlang dalam lapangan dipilih, menjadi inspirasi kepada yang lain, tonggak membuat pembaharuan dalam masyarakat atau boleh dicontohi dan menjadi pendorong kepada wanita lain untuk mengikuti jejak langkah kejayaan mereka.

Sejajar dengan pengiktirafan yang diberikan, kelima-lima wanita yang meraih anugerah berkenaan akan turut membabitkan diri dalam kerja kebajikan dalam pelbagai kegiatan anjuran Majlis Aids Malaysia yang diadakan pada tahun ini.

"Ia adalah sebahagian matlamat Neutrogena untuk menjadikan penyampaian anugerah itu sebagai salah satu cara mengetengahkan dan mewujudkan keprihatinan terhadap kegiatan sosial dan menggalakkan pembabitan wanita yang lebih aktif dalam kerja kemasyarakatan," kata Alli.

Tahun ini, penerima anugerah akan turut serta dengan kegiatan program kesedaran HIV/Aids anjuran Majlis Aids Malaysia dan membabitkan diri secara aktif dalam projek amal bagi usaha untuk mengisi tabung amal yang diterajui oleh Johnson & Johnson Malaysia, Majlis Aids Malaysia dan Yayasan Aids Malaysia.

"Kami memilih Majlis Aids Malaysia kerana yakin masih banyak yang mesti

dilakukan bagi menyebarkan maklumat mengenai keprihatinan terhadap Aids di negara ini," ujar Alli.

Katanya, sebagai langkah pertama sempena majlis makan malam amal hari itu sumbangan tidak kurang RM50,000 diberikan kepada yayasan. Sekali gus, menjadi simbolik tanda bermulanya jalinan rakan kongsi yang baru antara Johnson & Johnson dan Majlis Aids Malaysia.

Pada permulaan, tabung kutipan itu dikenali sebagai Anugerah Pencapaian

Wanita Neu. Malah, ikatan rakan kongsi itu juga bakal menjadi hubungan jangka panjang yang akan memastikan lebih banyak syarikat korporat besar yang lain turut menyokong bagi menangani HIV/Aids di negara ini.

Sementara, kelima-lima penerima anugerah yang ditemui selepas majlis penyampaian anugerah itu berkata, mereka berasa gembira, bangga dan terharu kerana terpilih sebagai pemenang pada tahun ini.

Bagaimanapun, mereka bersependapat dengan pengiktirafan anugerah itu tugas dan fungsi wanita pada masa kini dihargai, lebih mencabar serta memberi makna yang begitu besar.

"Baik lelaki mahupun wanita, boleh memenuhi hasratnya. Saya percaya jika kita teringin sekali melakukan sesuatu dan mencubanya, pasti hasrat itu tercapai. Oleh itu, letakkan sasaran dan lakukanlah," ujarnya yang menjadi

wanita tunggal dalam unit latihannya ketika menyertai TUDM.

Zalina, 36, yang menamatkan pengajian dari Universiti Concordia di Montreal, Quebec pada 1992 menyertai TUDM semata-mata kerana ingin memenuhi impian untuk terbang.

"Sokongan suami adalah rahsia kejayaan saya, manakala kedua-dua anak lelaki memberikan inspirasi kepada saya untuk bekerja keras dan berjaya," ujar Zalina.

Zanita, 35, yang mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang antropologi dan sarjana dalam pengajian kebudayaan berbangga dengan kerjayanya yang dapat mendekatkan dirinya untuk menyelami lebih mendalam mengenai keistimewaan khazanah dan artifak Melayu.

"Kerjaya saya memberi peluang untuk menimba lebih banyak pengetahuan dan pengalaman. Saya juga amat menyenangi kerja yang saya lakukan kini kerana

ia membuatkan saya menghargai ciptaan Tuhan dan setiap apa yang kita ada,"

katanya yang turut bertanggungjawab membuat penyelidikan dan pameran berkaitan seni serta sejarah.

Sementara penerima anugerah paling muda, Carolyn, 21, berkata beliau tidak sangka kerana diberikan penghargaan dan pengiktirafan seumpama itu dalam usia yang masih muda serta perjalanan yang masih jauh untuk membina masa depan.

"Dalam bidang gimrama saya memang sudah berjaya dan mencapai apa yang saya ingini. Bagaimanapun, saya belum tahu lagi tentang kerjaya saya pada masa depan. Oleh itu, saya anggap pengiktirafan ini satu permulaan untuk

mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi," katanya yang turut yakin kekuatan mental, fizikal dan emosi dapat membantu untuk mencapai matlamat.